

# UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.03.01/10.12/3 JLD. 2 (16)

25 Julai 2022  
25 Zulhijjah 1443

## PEKELILING BENDAHARI BIL. 2/2022

### PEMAKAIAN PROSEDUR PENGURUSAN BAYARAN EMOLUMEN DAN PROSEDUR PENGURUSAN KEMUDAHAN PINJAMAN

Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Dasar dan Entiti Universiti Bilangan 1 Tahun 2022 bertarikh 21 Februari 2022 telah meluluskan Prosedur Pengurusan Bayaran Emolumen dan Prosedur Pengurusan Kemudahan Pinjaman.

2. Prosedur Pengurusan Bayaran Emolumen dan Prosedur Pengurusan Kemudahan Pinjaman adalah prosedur yang diletakkan di bawah Polisi Pengurusan Kewangan Universiti Teknologi Malaysia yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bilangan 110 pada 5 Januari 2021.

3. Prosedur Pengurusan Bayaran Emolumen dan Prosedur Pengurusan Kemudahan Pinjaman disediakan untuk menerangkan peranan staf yang terlibat dalam pengurusan bayaran berkaitan emolumen serta pengurusan kemudahan pinjaman Komputer dan Telefon Pintar (Smartphones) dan Kenderaan.

4. Dengan pemakaian Prosedur Pengurusan Bayaran Emolumen dan Prosedur Pengurusan Kemudahan Pinjaman, Pekeliling-pekeliling Bendahari berikut adalah dibatalkan.

Rujukan Pekeliling	Nama Pekeliling
Bilangan 1 Tahun 2012	Peraturan Tuntutan Elaun Lebih Masa
Bilangan 1 Tahun 2018	Skim Pembiayaan Komputer & Telefon Pintar ( <i>Smartphones</i> ) bagi staf Universiti Teknologi Malaysia
Bilangan 2 Tahun 2018	Skim Pembiayaan Kenderaan Mengikut Prinsip Al-Bai' Bithaman 'Ajil Bagi Staf Universiti Teknologi Malaysia

5. Prosedur-prosedur hendaklah dibaca bersama *slide* tambahan seperti di lampiran dan boleh dimuat turun di laman web Jabatan Bendahari di <https://bursary.utm.my>

6. Sehubungan dengan itu, semua staf dan pelajar diminta mengambil maklum mengenai Prosedur Pengurusan Bayaran Emolumen dan Prosedur Pengurusan Kemudahan Pinjaman. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai **25 Julai 2022 (Isnin)**.

Sekian, terima kasih.

**“Wawasan Kemakmuran Bersama 2030”**

**“Berkhidmat Untuk Negara Kerana Allah”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(ABU BAKAR BIN MOHD SALLEH@AHMAD)**

Bendahari

Universiti Teknologi Malaysia